

No. Sebut harga :

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG
JALAN PINANG RAJA
32040 SERI MANJUNG
PERAK DARUL RIDZUAN

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)	No. Sebut Harga
1.	MESIN PERAKAM WAKTU	5	150.00	BIL (01)(JPR)400-10/2/19
2.	PERALATAN ICT (Printer/Laptop/Monitor/CPU)	48	48.00	BIL (02)(JPR)400-10/2/19
3.	MESIN & TONG RORO (Mesin Rumpit/Trimmer/Chainsaw/dll.)	30	550.00	BIL (03)(JPR)400-10/2/19

* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada **15.03.2019** hingga **22.03.2019** di antara jam **09.00 pagi** hingga **12.00 tengah hari** di **Stor Aset, Sitiawan.**
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat:-

**Kaunter One Serve
Majlis Perbandaran Manjung
Jalan Pinang Raja
32040 Seri Manjung
Perak Darul Ridzuan**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **15.04.2019** jam **12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

(SYAMSUL HAZEMAN BIN MD SALLEH, AMP.)
Yang Dipetua
Majlis Perbandaran Manjung

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Pembeli hendaklah mengemukakan **salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** mengikut kod bidang yang berkaitan (jika ada) atau salinan kad pengenalan (**INDIVIDU**) sebelum membeli borang sebut harga.
3. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG**
4. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.